

26 sertai Kursus Kepengadilan Ragbi IRB

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY
joanes@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Seramai 26 peserta telah menyertai Kursus Kepengadilan Ragbi International Rugby Board (IRB) Match Official Tahap 1 anjuran IRB sendiri dengan kerjasama Kolej Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Kursus selama dua hari itu disertai sekumpulan pengadil, bekas pemain dan jurulatih ragbi termasuk tiga pelajar Sekolah Sains Sukan UMS.

Program itu dimulakan dengan sesi pengetahuan berkaitan ‘undang-undang dalam sukan ragbi’ yang disampaikan oleh Mohd Zamrin Yassin, seorang yang berpengalaman luas dalam sukan ragbi di Malaysia sebagai pengadil dan pemain.

Menurut sumber dari pengatur, Mohd

Zamrin mula mencebur ke bidang kepengadilan pada tahun 1999 sehingga kini dan masih aktif.

Semasa sesi praktikal pula, peserta telah diberi tugas sebagai pengadil dan pembantu pengadil dalam Liga Ragbi Kota Kinabalu yang berlangsung di Padang Ragbi Sukma Sabah, di mana kesemua mereka dipecahkan kepada beberapa kumpulan untuk mengadili perlawanan ragbi berkenaan.

Jurulatih Pengadil Ragbi Asia dan ‘Educator’ IRB yang tidak asing di Malaysia dan Sabah, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin antara yang memberi tunjuk ajar semasa sesi praktikal pada sebelah petang kursus tersebut.

Menurut Dr. Mohamad Nizam, objektif utama kursus itu adalah untuk menaiktaraf pengadil-pengadil sedia ada di Sabah terutamanya yang tidak mempunyai sijil di peringkat antarabangsa.

“Selain itu, kursus ini juga bertujuan melahirkan pengadil baru serta meningkatkan tahap pengetahuan mereka berkaitan undang-undang dalam sukan ragbi,” katanya.

Lebih menarik, salah seorang daripada peserta kursus itu merupakan bekas pemain ragbi wanita Sabah, dan merupakan atlet ragbi pertama dari negeri ini mewakili Malaysia, iaitu Azlena Kula.

Azlena menyatakan bahawa kursus sedemikian sangat bermanfaat bagi mendapat lebih banyak pendedahan ilmu kepada peserta lebih-lebih lagi berkaitan kepengadilan dalam sukan ragbi terutamanya kepada para bekas pemain sukan lasak itu.

“Pengalaman yang kami ada perlu ditambah dengan ilmu kepengadilan, maka barulah kualiti kepengadilan dapat diper tingkatkan dalam kalangan pemain,” katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi peserta,

Mohd Shahrul berkata, beliau sangat berterima kasih kerana berpeluang menyertai kursus kepengadilan bertaraf antarabangsa anjuran IRB itu.

Katanya, para pelajar UMS terutamanya pelajar sains sukan perlu mengambil peluang menyertai kursus seperti itu pada masa yang akan datang bagi melengkapkan diri dengan ilmu berkaitan sukan ragbi selain menjadi mahasiswa yang berdaya saing, serta demi menambah peluang pekerjaan pada masa hadapan. Program lanjutan bagi kursus itu iaitu Kursus Kepengadilan Ragbi International Rugby Board (IRB) Match Official Tahap 2 dijangka akan diadakan pada bulan November tahun ini di Kota Kinabalu.

Manakala Kursus Kepengadilan Ragbi IRB Match Official Tahap 1 pula kemungkinan besar akan diteruskan ke beberapa buah daerah seperti Tawau, Sipitang dan Sandakan pada masa akan datang.



GAMBAR kenangan para peserta kursus IRB.



AZLENA Kula.



MOHD Shahrul.



PARA peserta sedang berlatih sebagai pembantu pengadil.



SESI praktikal di dalam dewan.



PAKAR.... Dr. Nizam menunjukkan cara mengawal permainan.



SERIUS.... para peserta menumpukan perhatian terhadap penerangan instruktur.